

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

SOALAN NO. 206

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status terkini wabak Rabies di seluruh negara dan apakah langkah tambahan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membendung wabak ini daripada menular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes penyakit *Rabies* di Sarawak bermula pada 30 Jun 2017 yang mana 3 kes disahkan berlaku pada manusia di Serian Sarawak (1 kes di Kampung Lebor dan 2 kes di Kampung Paon Rimau Bakung). 2 kes penyakit *Rabies* pada haiwan pula disahkan pada 8 Julai 2017 setelah virus Rabies dikesan pada seekor anjing di Kampung Lebor dan seekor kucing di Kampung Paon Rimau oleh makmal di Veterinary Research Institute (VRI), Ipoh melalui ujian *Fluorescent Antibody Test (FAT)*.

Penyakit *Rabies* di Sarawak kini telah merebak ke 11 bahagian di Sarawak iaitu Bahagian Serian, Sri Aman, Kuching, Samarahan, Sarikei, Betong, Sibul, Kapit, Miri, Mukah dan Bintulu. Sejak 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2018, sebanyak 327 sampel telah disahkan positif daripada 900 sampel yang diuji. Liputan pempvaksinasi Rabies

pada anjing di Sarawak adalah masih rendah iaitu 28.1% berbanding anggaran populasi anjing bertuan sebanyak 316,306 ekor.

Kes penyakit *Rabies* di Perlis pula dikesan pada 7 Jun 2018 yang mana terdapat satu kes gigitan anjing yang berlaku ke atas seorang pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ketika pegawai tersebut sedang menjalankan tugas menangkap anjing liar dan terbiar (*stray dog*) di Kampung Batu 2, Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis. Anjing ditangkap pada hari yang sama dan didapati mati dalam kurungan sehari selepas menggigit mangsa. Sampel anjing tersebut telah disahkan positif terhadap penyakit *Rabies* oleh VRI menerusi ujian pengesahan pada 13 Jun 2018. Kes gigitan kedua berlaku di Kampung Semadong Beseri, Perlis. Anjing tersebut mati dalam kurungan pada 27 Jun 2018 dan didapati positif virus *Rabies* oleh VRI pada 3 Julai 2018. Secara keseluruhan sehingga 29 Julai 2018, sebanyak 159 sampel kepala haiwan (anjing) yang disyaki berpenyakit *Rabies* telah diambil dan diuji oleh VRI dan kesemua sampel adalah negatif. Wabak *Rabies* di Perlis adalah terkawal.

Kes *Rabies* di Perak bermula pada 31 Disember 2018 yang mana seorang pemilik haiwan melaporkan kes gigitan terhadap 2 orang ahli keluarga sejak 25 Disember 2018 dan memohon untuk anjing tersebut dilupuskan. Pelupusan telah dibuat di bawah seliaan Majlis Perbandaran Taiping pada 3 Januari 2019. Sampel telah diambil dan diuji oleh VRI dan didapati positif penyakit *Rabies* pada 4 Januari 2019.

Dalam pada itu, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penularan wabak di seluruh negara yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut: -

- i. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam Operasi Bersepadu Kawalan *Rabies* bagi mengawal penyakit *Rabies* di Sarawak;

SOALAN NO : 206

- ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan surveilan penyakit *Rabies* secara berterusan melalui Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan dan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi notifikasi kes gigitan pada manusia;
- iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membangunkan pengkalan data penduduk serta pemetaan (*mapping*) bagi setiap negeri dan daerah untuk meningkatkan keberkesanan kawalan wabak *Rabies* dan menguatkuasakan undang-undang kecil termasuk pelesenan anjing serta menasihati pemilik haiwan untuk mengurung anjing di dalam rumah;
- iv. mengadakan kempen kesedaran awam dengan melibatkan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penerangan Negeri dalam menguar-uarkan risiko penyakit *Rabies*;
- v. bekerjasama dengan pihak Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis bagi aktiviti kawalan dan pembasmian penyakit dengan membantu hebahan kepada masyarakat melalui kumpulan media sosial seperti *Whatsapp*, *Telegram* dan *Instagram*; dan
- vi. kerjasama dan perbincangan dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) untuk memahami tindakan kawalan penyakit *Rabies* dan peranan NGO dalam memastikan kawalan ini dapat dijalankan dengan berkesan, cepat dan tepat.

Sekian, terima kasih.